

30 AUG 1997

SYARIKAT SABAH SAMBUT BAIK SOKONGAN MAHATHIR TERHADAP BSKL

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Enam syarikat Sabah yang disenarai awam memberi sokongan padu terhadap pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lalu yang menggesa dana tempatan menyertai pasaran saham secara besar-besaran untuk menentang manipulator asing.

Syarikat-syarikat itu adalah Construction and Supplies House Bhd (CASH), North Borneo Timber Bhd, Kilang Papan Seribu Daya Bhd, MGR Corporation Bhd, Chase Perdana Bhd dan Sitt Tatt Bhd.

Pengarah Urusan CASH Datuk Joseph Ambrose Lee, yang bercakap sebagai mewakili keenam-enam syarikat itu, juga menggesa syarikat lain yang disenaraikan supaya menyertai mereka memberi sokongan padu kepada kerajaan.

"Kami menyokong Perdana Menteri kerana sudah menjadi kewajipan rakyat untuk mempertahankan negara daripada ancaman luar. Kita mesti mengumpulkan semua sumber dan rizab untuk menentang manipulator-manipulator terbabit," kata Lee yang membacakan kenyataan bersama mereka dalam satu persidangan akhbar di sini, hari ini.

Syarikat-syarikat itu juga mencadangkan langkah-langkah lain di mana rakyat Malaysia boleh berganding bahu menyekat kejatuhan dan menyuntik lebih banyak keyakinan ke dalam pasaran. Antaranya termasuklah menarik semula sekatan ke atas pembiayaan saham oleh bank-bank yang dikenakan oleh Bank Negara pada lewat Mac lalu.

Dengan kira-kira RM450 bilion dikeluarkan daripada pasaran, Lee berkata sekatan itu mestilah ditarik balik sekarang, bagi membolehkan mudah tunai mengalir semula ke dalam pasaran.

"Jika sekatan itu ditarik balik, setiap sen akan mempunyai kesan berganda atau 15 hingga 20 kali ganda kepada pasaran," kata Lee.

Cadangan-cadangan lain adalah bagi ketua-ketua dan pegawai-pegawai terutama daripada Bank Negara untuk melaksanakan pendekatan yang berorientasikan penyelesaian.

Syarikat-syarikat Sabah itu juga menggesa kerajaan menanggunghkan sementara waktu semua kuasa-jualan untuk tidak lebih memburukkan aliran menurun BSKL ketika ini.

Mereka juga berkata firma broker saham mesti terus membiayai urus niaga saham atau meningkatkan kredit kerana saham-saham pada ketika ini lebih murah.

"Manipulator tempatan yang meminjamkan skrip mereka kepada rakyat asing untuk meraih keuntungan segera mesti dibawa ke muka pengadilan dan membayar ke dalam dana sebagai ganti rugi kepada semua rakyat yang mengalami kerugian hasil daripada tindakan mereka," tekan Lee.

Cadangan-cadangan lain termasuklah membenarkan syarikat-syarikat membeli balik saham mereka dan institusi kewangan membiayai perlaksanaan seumpama itu.

Lee juga berkata arahan "serahan sebelum jualan" ke atas 100 kaunter berkaitan indeks dengan tujuan menghalang manipulasi daripada berterusan ke dalam pasaran, adalah satu tindakan terbaik.

"Ia adalah satu peperangan, walaupun mungkin bukan peperangan berdarah tetapi ia masih "melukakan" ekonomi Asia dan membinasakan kewujudan masyarakat Asia. Kita mestilah bersatu, bukan menentang penjajahan ketenteraan tetapi penjajahan ekonomi," tegas Lee. -- BERNAMA

JS ZK